



UMP bangga terima kehadiran pelajar baru

KUANTAN - Pembentukan sahsiah dan pekerti yang terpuji, pembinaan budaya ilmu dan intelektual serta penerapan nilai-nilai adalah mesej utama yang perlu disampaikan kepada pelajar.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohamed Said Mat Lela, mesej utama yang disampaikan adalah usaha untuk membina kecemerlangan diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

"Saya yakin UMP dapat menjaga kelahiran graduan yang cemerlang dan berupaya menjadikan UMP sebagai Universiti Teknikal Berteraskan Kompetensi Bertaraf Dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat kepada ibu bapa

dan pelajar yang baru mendaftar.

"Saya berbesar hati menerima kedatangan warga baru di UMP yang menyediakan pembelajaran yang kondusif dan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang akan meneroka ilmu bersama pelajar lain dalam sebuah keluarga.

"UMP berusaha menyediakan kurikulum pengajian, prasarana pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan sokongan dan sistem pengurusan terbaik bagi menjamin kecemerlangan berterusan," katanya.



MOHAMED SAID

Menurutnya, pelajar boleh membangunkan kredibiliti melalui penyertaan aktif dalam kegiatan pelajar ke arah menerapkan budaya personaliti unggul di samping mengejar kecemerlangan akademik sepanjang pengajian di UMP.

"Saya menyeru kepada semua pelajar yang terpilih untuk menjadi warga UMP pada hari ini agar menggunakan peluang yang diberi dan belajar dengan penuh semangat dan ikhlas untuk menempa kejayaan yang gemilang satu hari nanti," katanya.